

# Pas sanggup bohong isu agama

JITRA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pemimpin Pas sanggup berbohong mengenai pelbagai perkara dan selama ini pun mereka sanggup berbohong dalam soal membabitkan agama.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengingatkan rakyat supaya tidak mempercayai tohmahan pemimpin parti itu, terutama pada musim pilihan raya ini.

"Dalam soal agama pun dia sanggup bohong, apa lagi perkara lain. Ini semua cerita karut, jangan dengar (percaya) dengan mereka," katanya ketika berucap di majlis Pemimpin Bersama Rakyat di padang Sekolah Menengah Hosba, Changlun, di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, pemimpin Pas sanggup mengutuk kerajaan semata-mata kerana mereka mahukan undi dalam pilihan raya.

"Apa yang penting ialah mereka hendak menjadi wakil rakyat, kalau pun tidak menjadi kerajaan. (Dengan itu) mereka dapat gaji," katanya.